

CNS825A -

U GB 21-11 00148 BB703

Baht 221000

Kemuncak - Malaysia (Fokus Berita)
MALAYSIA KOTAKANAPA YANG DIKATAKANNYA
Daripada Azman Ujang

I

DAKAR (Senegal), 22 Nov (Bernama) -- Sekiranya terdapat hadiah bagi negara-negara yang mengkotakan apa yang dikatakannya dalam usaha meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan, maka Malaysia adalah yang seharusnya menerimanya.

Malaysia telah beberapa kali membuktikan ini tetapi pendekatannya seperti orang berniaga untuk memupukkan kerjasama di kalangan negara-negara membangun telah melampaui batasan kenyataan-kenyataan yang menyedapkan sahaja dan berbau politik.

Sesungguhnya, Malaysia tidak sekali-sekali bercakap sekadar manis di bibir sahaja.

Pertama sekali, daya usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membawa kepada penubuhan Kumpulan 15 (G-15) negara-negara membangun sebagai pemangkin untuk memupuk kerjasama dan mengadakan perundingan di kalangan negara-negara anggota dalam usaha meningkatkan pembangunan ekonomi mereka ke tahap yang lebih maju.

G-15 juga dijadikan pemangkin bagi pembangunan negara-negara Selatan yang tidak menganggotainya. -- Lagi

▼22/11/10-01MST

U GB 21-11 00183 BR704

Baht 221000

Kemuncak - Malaysia 2. Dakar

11 Daripada beberapa projek kerjasama teknikal yang dicadangkan oleh negara-negara anggota G-15 sejak persidangan kemuncak pertamanya di Kuala Lumpur pada 1998 dan yang keduanya di Caracas tahun lepas, hanya dua projek yang benar-benar dapat dilaksanakan -- kedua-duanya atas daya usaha Malaysia.

Di sidang kemuncak Kuala Lumpur, Dr Mahathir mencadangkan dua projek -- satu Peraturan Pembayaran Dua-Hala (BPA) untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara-negara Selatan dan Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTEDEC).

BPA, satu mekanisme kewangan di mana risiko dagangan para pengekspor dan pengimport di negara-negara berkenaan dijamin oleh bank pusat negara masing-masing, telah menghasilkan kejayaan dalam masa yang singkat.

Ita membawa kepada peningkatan perdagangan bukan sahaja antara Malaysia dan 15 buah negara yang menandatangani BPA setakat ini tetapi juga di kalangan negara-negara itu sendiri kerana mereka juga tidak dapat tidak menggunakan mekanisme itu..

Dalam tempoh dua tahun lepas, perwakilan teknikal dari Bank Negara, bank pusat Malaysia, telah melawat 23 buah negara untuk merundingi RPA dan lebih banyak negara di jangka menandatangani perjanjian yang serupa. -- Lagi

▼22/11/10-01MST

U GB 21-11 00158 BB705

Baht 221000

Kemuncak - Malaysia 3 Dakar

Menurut penasihat Bank Negara, Nor Mohamad Yakcop, orang yang bertanggungjawab di atas kejayaan projek itu, perdagangan antara Malaysia dan 15 buah negara tersebut yang mempunyai mekanisme RPA telah meningkat tiga kali ganda sejak itu dari MR860 juta kepada MB2.6 bilion.

Peningkatan itu banyak dicatat di Chile, Mexico, Venezuela, Peru dan Algeria.

Para pemimpin G-3.5 yang memulakan persidangan kemuncak tahunan ketiga mereka di sini Sabtu ini dijangka mengesahkan kejayaan projek yang dicadangkan Malaysia itu dan menggesa supaya diperluaskan ke lebih banyak negara Selatan yang lain.

SITTDEC, satu perkhidmatan rangkaian asas data berkomputer untuk meningkatkan pelaburan, perdagangan dan perkongsian teknologi di negara-negara Selatan, merupakan daya penarik pada Persidangan Kemuncak Dakar ini dan satu lagi sumbangan bermakna Malaysia kepada kerjasama Selatan-Selatan.

Dengan berlanggan kepada perkhidmatan itu, negara-negara anggota dan sektor swasta boleh memperolehi maklumat penting bagi mereka menjalankan perniagaan antara satu sama lain. -- Lagi

▼22/11/10-01MST

CNS8258

U GB 22-11001 67 BB706

Baht 221000

Kemuncak - Malaysia 4 Dakar

Menurut Pengarah Eksekutif SITTDEC, Haji Mohd Salleh Masduki, dengan memhayar serendah-rendahnya AS\$2,000 se tahun, para pelanggan boleh mendapat faedah daripada rangkaian itu yang sudah tentu memakan belanja lebih besar sekiranya mereka sendiri mendapatkan maklumat berkaitan melalui hubungan peribadi atau cara lain.

Demonstrasi perkhidmatan SITTDEC mendapat sambutan menggalakkan daripada ahli perniagaan dari negara-negara membangun yang menghadiri satu forum perniagaan dan pelaburan di sini awal minggu ini sebelum bermulanya persidangan tersebut.

Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM10 juta bagi projek itu. Yang boleh dihubungkan kepada Pusat Fokal Negara yang perlu diwujudkan oleh negara-negara yang berhasrat mendapat perkhidmatan pusat tersebut.

Mohd Salleh, yang sebelum ini bertugas di sebuah syarikat komputer Amerika di Kuala Lumpur, menyifatkan rangkaian itu sebagai alat penting dalam meningkatkan ekonomi negara-negara membangun di Selatan dan sesuatu yang amat mustahak bagi pembangunan terutama industri kecil dan sederhana di kalangan negara anggota G-15.

Kerjasama Selatan-Selatan kini diberikan perhatian utama dalam dasar luar negeri Malaysia.-- Lagi

▼22/11/10-01MST

CNS8262

U GB 22-1100070 OR'707

Baht 221000

Kemuncak - Malaysia 5 (Akhir) Dakas

Lawatan Dr Mahathir ke luar negeri yang giat diadakan dalam tempoh beberapa tahun lepas terutama ke negara-negara Selatan, dengan membawa bersama kalangan perniagaan, membuktikan kegigihan usaha ke arah mengukuhkan perhubungan Selatan-Selatan.

Pelancaran perkhidmatan Penerbangan Malaysia ke Mexico baru-baru ini dan cadangan mengadakan perkhidmatan itu ke Buenos Aires merupakan antara langkah-langkah ke arah yang sama.-- Bernama

▼22/11/10-02MST